

PRAKTIS

3

Bahasa Melayu Warisan Kita

Tajuk

6

Warisan Negara Kita




NOTA

PINTAS

Susur Galur Bahasa Melayu

- Bahasa Melayu merupakan antara ribuan bahasa yang berbeza dan dituturkan oleh masyarakat di Alam Melayu.
- Bahasa Melayu berasal daripada filum yang disebut Austrik yang melahirkan rumpun Austronesia.
- Bahasa Melayu terkenal di dunia dan terus berkembang kerana sifatnya yang terbuka dan mudah menerima unsur luar.
- Bahasa Melayu sebagai warisan negara harus dikekalkan kerana mencerminkan keunikan sebuah negara bangsa.

Taburan Wilayah Penutur Bahasa Melayu

- | | | | | |
|------------------|-------------------|---------------------------|--------------------|-----------------|
| • Malaysia | • Indonesia | • Filipina | • Pulau Cocos | • Pulau Krismas |
| • Kemboja | • Sri Lanka | • Brunei | • Selatan Thailand | • Singapura |
| • New Zealand | • Arab Saudi | • Madagaskar | • Taiwan | • Pulau Easter |
| • Afrika Selatan | • Australia Barat | • Vietnam (Melayu Champa) | | |

Jenis bahasa	Pengaruh bahasa luar	Bahasa Melayu moden
Sanskrit	<i>Rajha, Nagara, Putra</i>	Raja, Negara, Putera
Arab	<i>Sholat, Ustaz, Aqal</i>	Solat, Ustaz, Akal
Tamil	<i>Ayyaa, Kappal</i>	Ayah, Kapal
Cina	<i>Cawan, Laici</i>	Cawan, Laici
Inggeris	<i>Hospital, Clinic, Doctor</i>	Hospital, Klinik, Doktor

Peranan Bahasa Melayu

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Apakah maksud bahasa?

- Buku Teks ms. 32
- A Alat perhubungan manusia
 - B Alat pengangkutan manusia
 - C Alat menyampaikan perasaan
 - D Alat interaksi antara manusia

2. Bahasa Melayu berasal daripada rumpun

- Buku Teks ms. 32
- A Austik
 - B Jawa
 - C Sumatera
 - D Austronesia

3. Antara berikut, yang manakah faktor bahasa Melayu boleh berkembang?

- Buku Teks ms. 32
- I Bersifat terbuka
 - II Bahasa utama penutur
 - III Kepelbagaian pertuturan
 - IV Mudah menerima unsur luar
 - A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

4. Mengapakah bahasa Melayu perlu dikekalkan?

- Buku Teks ms. 33
- A Mencerminkan identiti sebuah negara bangsa
 - B Melambangkan ketamadunan Melayu
 - C Melambangkan keperibadian penutur
 - D Mencerminkan identiti penutur

5. Apakah maksud *lingua franca*?

- Buku Teks ms. 34
- A Bahasa ilmu antara masyarakat
 - B Bahasa unggul antara masyarakat
 - C Bahasa persuratan antara masyarakat
 - D Bahasa perantaraan antara masyarakat

6. Antara berikut, yang manakah taburan wilayah penutur bahasa Melayu di dunia?

- Buku Teks ms. 34-35
- I Latin
 - II Perancis
 - III Sri Lanka
 - IV Arab Saudi
 - A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan pengaruh luar dalam perkataan bahasa Melayu.

Nagara	Negara
Rajha	Raja
Putra	Putera

Apakah bahasa luar yang mempengaruhi perkataan bahasa Melayu tersebut?

- A Arab C Sanskrit
- B Belanda D Inggeris

8. Antara berikut, yang manakah pengaruh bahasa Tamil?

- Buku Teks ms. 36
- I *Camisa* III *Kappal*
 - II *Docto* IV *Ayyaa*
 - A I dan II C II dan III
 - B I dan IV D III dan IV

9. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bahasa Melayu.

Buku Teks ms. 38

Digunakan dalam naskhah *Hukum Kanun Melaka* yang menjadi panduan undang-undang dalam sistem pentadbiran pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah peranan tersebut?

- A Bahasa perundangan
- B Bahasa pentadbiran
- C Bahasa pendidikan
- D Bahasa persuratan

10. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bahasa Melayu.

- Buku Teks ms. 38
- Menyampaikan sesuatu ilmu dalam bidang akademik.
 - Golongan agama menyampaikan ilmu agama kepada raja-raja Melayu di istana.

Apakah peranan bahasa tersebut?

- A Bahasa rasmi
- B Bahasa pendidikan
- C Bahasa perpaduan
- D Bahasa pentadbiran

11. Apakah bukti bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan?

Buku
Teks
ms. 39

- A Sultan Kelantan menulis surat kepada Wright William Duff
- B Karya agung ditulis dengan menggunakan bahasa Melayu
- C Digunakan dalam sistem pentadbiran
- D Digunakan dalam urusan jual beli

12. Bagaimanakah bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa persuratan pada masa kini?

Buku
Teks
ms. 39

- A Digunakan sebagai bahasa perhubungan antara masyarakat dan serantau
- B Menjadi bahasa utama dalam urusan jual beli di negara kita
- C Menjadi bahasa utama dalam sistem perundangan negara
- D Diiktiraf dunia melalui hasil karyawan negara

13. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan melalui penggubalan

Buku
Teks
ms. 40

- A Falsafah Pendidikan Negara
- B Perlembagaan Persekutuan 1957
- C Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67
- D Titah perintah Yang di-Pertuan Agong

14. Apakah kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi?

Buku
Teks
ms. 40

- A Bahasa pengantar dalam sistem pendidikan luar negara
- B Medium dalam urusan pentadbiran harian
- C Bahasa perdagangan di rantau Asia Barat
- D Mempromosikan iklan luar negara

15. Antara berikut, yang manakah aktiviti yang diadakan bagi memupuk perpaduan kaum?

Buku
Teks
ms. 40

- I Pertandingan deklamasi sajak
- II Minggu bahasa kebangsaan
- III Aktiviti membaca buku
- IV Aktiviti menulis pantun
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Mengapakah bahasa Melayu menjadi warisan kebanggaan negara? **KBAT** Menilai

- A Identiti negara
- B Mudah diterima
- C Mudah dipelajari
- D Pengaruh bahasa luar

17. Apakah usaha bagi memartabatkan bahasa Melayu? **KBAT** Mencipta

- I Mewajibkan semua kaum bertutur menggunakan bahasa Melayu
- II Mengadakan Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan
- III Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah
- IV Mewajibkan persidangan antarabangsa menggunakan bahasa Melayu
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Apakah aktiviti yang boleh diadakan bagi menyatukan masyarakat berbilang kaum melalui penggunaan bahasa Melayu di sekolah?

Buku
Teks
ms. 40

- A Aktiviti gotong-royong
- B Pertandingan sukaneka
- C Pertandingan kawad kaki
- D Penganjuran Minggu Bahasa

19. Mengapakah bahasa Melayu perlu dikekalkan sebagai warisan negara?

KBAT Menganalisis

- A Bahasa ibunda bangsa Melayu
- B Bahasa yang mampu mengukuhkan jati diri
- C Bahasa unggul sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
- D Bahasa yang mencerminkan identiti negara bangsa

20. Apakah nilai yang perlu ada dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita?

KBAT Menilai

- A Syukur
- B Berani
- C Bangga
- D Amanah



Bahagian B

Susur Galur Bahasa Melayu

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. TP 2

Buku
Teks
ms.
32-33


- (a) Bahasa Melayu berasal daripada filum yang disebut Austrik yang melahirkan rumpun Melayu Kuno. ☐
- (b) Rumpun merupakan kelompok bahasa yang berusia 5000 tahun ke atas. ☐
- (c) Bahasa Melayu adalah antara ribuan bahasa yang berbeza dan dipertuturkan di Alam Melayu. ☐
- (d) Sifat bahasa Melayu yang mudah menerima unsur luar menjadikannya terus berkembang. ☐
- (e) Bahasa Melayu harus dikekalkan sebagai warisan negara kerana mencerminkan identiti sebuah negara bangsa. ☐

[5 markah]

Taburan Wilayah Penutur Bahasa Melayu

2. Namakan wilayah penutur bahasa Melayu di dunia berdasarkan peta berikut. TP 2

Buku
Teks
ms. 34



[5 markah]

3. Padankan perkataan berikut dengan pengaruh bahasa luar. TP 2

Buku
Teks
ms. 36

(a) *Solat*

Portugis

(b) *Raja*

Arab

(c) *Cawan*

Sanskrit

(d) *Kapal*

Cina

(e) *Jendela*

Tamil

[5 markah]

Peranan Bahasa Melayu

4. Lengkapkan ayat berikut berkaitan dengan peranan bahasa Melayu. TP 4

Buku
Teks
ms.
38-39

Bahasa perundangan

(a) _____ adalah naskhah panduan undang-undang dalam sistem pentadbiran pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang menggunakan bahasa Melayu. Di Malaysia, bahasa Melayu dijadikan bahasa utama dalam sistem (b) _____ negara.

Bahasa pentadbiran

Semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu digunakan dalam urusan pentadbiran. Pada masa ini, bahasa Melayu menjadi bahasa (c) _____ dan digunakan dalam urusan pentadbiran kerajaan.

Bahasa persuratan

Pada masa dahulu, terdapat banyak hasil (d) _____ menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa persuratan. Kini, terdapat hasil karyawan persuratan yang menggunakan bahasa Melayu mendapat (e) _____ dunia.


[5 markah]



Bahagian C

Susur Galur Bahasa Melayu

Rajah berikut menunjukkan susur galur bahasa Melayu.



1. (a) Berdasarkan rajah tersebut, jelaskan susur galur bahasa Melayu. **TP 3**

Buku
Teks
ms.
32–33

[2 markah]

- (b) Bahasa Melayu merupakan antara ribuan bahasa yang berbeza dan dipertuturkan di Alam Melayu.

Nyatakan tiga ciri bahasa Melayu. **KBAT** **Menganalisis**

[3 markah]

Taburan Wilayah Penutur Bahasa Melayu

Maklumat berikut merujuk taburan wilayah penutur bahasa Melayu.

Penggunaan bahasa Melayu tersebar di seluruh dunia dan digunakan sebagai bahasa *lingua franca*.

2. (a) Apakah maksud *lingua franca*? **TP 2**

Buku
Teks
ms.
34–35

[1 markah]



- (b) Nyatakan dua wilayah penutur bahasa Melayu di dunia. TP 2

[2 markah]

- (c) Kamu dilantik sebagai Pengerusi Kelab Bahasa Melayu di sekolah. Sebagai Pengerusi, cadangkan aktiviti-aktiviti yang boleh diadakan untuk memperkasakan bahasa Melayu dalam kalangan murid. KBAT Mencipta

[2 markah]

Peranan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam pembangunan negara kita.

3. (a) Nyatakan dua peranan bahasa Melayu TP 2

Buku
Teks
ms. 37

[2 markah]

- (b) Apakah kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan? KBAT Menilai

[3 markah]

